



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/02/35 (HQ)

FILEM 'NIAN-TASTIC NEW START' TNB TERIMA RESPONS LUAR BIASA

- 6.08 juta tontonan sejak tayangan perdana di YouTube pada 2 Februari

Filem pendek Tahun Baru Cina **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, 'Nian-tastic New Start' telah ditonton lebih 6.08 juta kali selepas lebih seminggu ia dimuatnaik di media sosial.

Dengan lebih 30,000 interaksi (*engagement*) di platform media social termasuk YouTube, Facebook, Instagram dan Twitter, filem pendek TNB itu yang mengambil pendekatan menyeronokkan dan berbeza mengenai kisah lagenda Nian telah menerima 600 komen dan 5,900 reaksi.

"Terima kasih kepada netizen di Malaysia dan di seluruh dunia atas sambutan luar biasa bagi filem Tahun Baru Cina kami.

"Kami berharap dan percaya mesej mengenai pentingnya ketabahan dan semangat positif ketika menghadapi masa yang sukar ini, diterima baik oleh semua," kata Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat (Chief Corporate Services Officer) TNB, Mohamad Ariff Zainol.

Sejak tayangan perdana di YouTube pada 2 Februari 2021, filem itu yang mengetengahkan hikmah dan cerita rakyat mengenai tradisi Tahun Baru Cina telah menerima lebih 5,200 jumlah perkongsian (*share*) di media sosial.

Di sebalik gelagat pelakon yang mencuit hati dan pendekatan unik terhadap lagenda Cina itu, filem 'Nian-tastic New Start' meraikan semangat kegembiraan dan positif apabila penduduk kampung yang dihantui raksasa mitos Nian, mengembara bagi mendapatkan pertolongan mahaguru yang bijaksana bagi mengembalikan keamanan kepada kampung mereka.

Filem itu menggambarkan bagaimana amalan berpakaian merah sambil berkumpul bersama ahli keluarga di kediaman yang dihiasi dengan tanglung merah yang terang, kemeriahan bunga api dan gendang yang dimainkan dengan kuat akhirnya menjadi satu tradisi. Ia mengetengahkan mesej perpaduan dalam mengatasi kesukaran.

"Kepada pelanggan kami yang akan meraikan Tahun Baru Cina, saya ucapkan 'xīn nián kuài lè ' atau Selamat Tahun Baru," kata Ariff.

“Dalam meraikan Tahun Lembu, kami ingin menasihatkan para pelanggan untuk mengamalkan dan mengutamakan keselamatan elektrik.”

Beliau juga menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah berjaga-jaga semasa menggunakan peralatan dan kabel elektrik.

Filem ‘Nian-tastic New Start’ yang berdurasi 5 minit boleh ditonton di saluran YouTube TNB (www.youtube.com/TENAGAofficial). Versi lebih pendek disiarkan di saluran TV perdana sejak semalam, 10 Februari 2021.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 11 Februari 2021, jam 1:00 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Filem pendek Tahun Baru Cina **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, ‘Nian-tastic New Start’ telah menerima sambutan luar biasa selepas lebih seminggu ia dimuatnaik di media sosial.